

Kenyataan Media

Perebutan Kuasa di Negeri Sembilan: Rakyat Sekali Lagi Menjadi Mangsa Penipuan Demokrasi dan Kerakusan Politikusnya

Bermula dengan krisis pemecatan salah seorang Undang oleh Yang di-Pertuan Besar (YDPB) Negeri Sembilan, dan kemudian kesemua empat orang Undang bertindak memecat pula YDPB, kemudian Menteri Besar Negeri Sembilan masuk campur dan menyatakan bahawa pemecatan YDPB adalah tidak sah, kemudian keempat-empat orang Undang tersebut membalas bahawa Menteri Besar Negeri Sembilan telah berbohong dan tidak layak mentadbir negeri, akhirnya krisis berlanjut kepada 14 orang Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) daripada UMNO mengumumkan hilang kepercayaan kepada Menteri Besar.

Melihat kemelut yang berlaku, lima orang ADUN pembangkang dari Perikatan Nasional (PN) tanpa ragu dan tanpa lengah, terus mengisytiharkan sokongan kepada UMNO, lalu UMNO pula terus mengambil kesempatan mengisytiharkan bahawa ia mempunyai majoriti mudah untuk mengambil alih pemerintahan negeri dan jawatan Menteri Besar. Alangkah tepat masanya, walaupun buat masa ini masih belum tahu siapakah pemenangnya!

Sejarah politik di Malaysia telah menyaksikan banyak kejadian lompat parti, tukar sokongan, tukar gabungan dan hilang kepercayaan yang dilakukan sama ada oleh ahli-ahli Dewan Undangan Negeri mahu pun ahli-ahli Parlimen. Semuanya bukan berlaku kebetulan, tetapi perancangan hasil kerakusan dan wujudnya peluang untuk melakukan pertukaran kerajaan melalui “pintu belakang”. Seawal tahun 1994, Parti Bersatu Sabah (PBS) yang telah memenangi Pilihan Raya Negeri (PRN) dengan majoriti tipis (25 daripada 48 kerusi), tumbang hanya selepas beberapa minggu berkuasa, apabila beberapa ADUN PBS bertindak keluar parti dan menyokong Barisan Nasional (BN). BN kemudiannya mengambil alih kerajaan negeri Sabah.

Pada tahun 2009, berlaku kejadian politik paling tragis di Perak apabila tiga orang ADUN Pakatan Rakyat (dua dari PKR, satu dari DAP) mengisytiharkan keluar parti dan menjadi ADUN Bebas yang menyokong BN. Ini menyebabkan komposisi kerusi menjadi seimbang (28 BN + 3 Bebas vs 28 PR). Sultan Perak ketika itu, Sultan Azlan Shah, menolak permintaan Menteri Besar (Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin) untuk membubarkan DUN, dan sebaliknya melantik Datuk Seri Dr. Zambry Abdul Kadir daripada BN sebagai Menteri Besar baru.

Tragedi terbesar yang semua orang tahu telah “mencemarkan” demokrasi di Malaysia belaku pada tahun 2020 melalui “Langkah Sheraton” yang menyaksikan tumbang kerajaan Pakatan Harapan (PH) di peringkat pusat dan diganti dengan Perikatan Nasional (PN). Menyusul selepas itu beberapa negeri di Malaysia yang turut tumbang hasil jalan belakang yang sama. Lucunya, pihak yang berjaya “merampas kuasa” menyifatkan tindakan ini sebagai demokratik, manakala pihak yang kehilangan kuasa menyifatkannya tidak demokratik:

- Kerajaan PH Johor tumbang apabila Bersatu keluar daripada gabungan PH dan bekerjasama dengan BN serta PAS untuk membentuk kerajaan baru di bawah pimpinan Datuk Hasni Mohammad.
- Kerajaan PH Melaka tumbang selepas dua ADUN Bersatu dan dua ADUN (dari PKR dan DAP) mengalihkan sokongan kepada BN.

- Di Perak, kerajaan di bawah Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu (Bersatu) yang asalnya bersama PH jatuh, namun beliau dilantik semula sebagai Menteri Besar di bawah gabungan baru (Perikatan Nasional) sebelum akhirnya dijatuhkan semula melalui undi percaya pada Disember 2020.
- Di Kedah, kerajaan pimpinan Datuk Seri Mukhriz Mahathir jatuh pada Mei 2020 selepas dua ADUN PKR keluar parti dan menyokong Perikatan Nasional, menyebabkan pelantikan Muhammad Sanusi Md Nor sebagai MB baru.

Tragedi di Negeri Sembilan kali ini menyerupai apa yang berlaku di Melaka pada tahun 2021 apabila krisis berlaku di dalam blok yang memerintah sendiri. Empat orang ADUN (termasuk dari UMNO dan Bersatu) menarik balik sokongan terhadap Ketua Menteri Melaka ketika itu, Datuk Seri Sulaiman Md Ali, atas alasan hilang kepercayaan terhadap kepimpinan beliau. Yang di-Pertua Negeri Melaka bersetuju membubarkan DUN atas nasihat Ketua Menteri, yang membawa kepada Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka pada November 2021.

Dalam setiap kejadian, terdapat satu kenyataan yang sama dikeluarkan oleh kesemua mereka yang terlibat dalam perebutan politik tersebut iaitu mereka ingin menyelesaikan segera kemelut tersebut demi kepentingan rakyat. Itulah skrip basi politikus demokrasi sejak dulu iaitu mengutamakan rakyat dalam setiap masalah yang mereka timbulkan sendiri, yang jelas-jelas merekalah dalangnya. Demikianlah cara mereka memperbodohkan rakyat melalui perebutan kuasa sesama mereka. Setelah jelas mengkhianati undi rakyat ke atas mereka, lalu mereka katakan bahawa kepentingan rakyat adalah keutamaan mereka!

Wahai kaum Muslimin! Sedarlah bahawa ini semua merupakan “permainan kuasa” oleh parti-parti politik dalam sistem demokrasi demi kepentingan mereka semata-mata. Ketamakan kuasa politikus demokrasi memang tidak ada batas, sehinggalah mereka kembali ke tanah! Merekalah yang sebenarnya telah membawa keburukan kepada negara ini, dan kesusahan kepada kita semua. Objektif mereka hanyalah untuk berkuasa kerana dengan kuasalah mereka dapat mengecapi segala kemewahan dan mengaut sebanyak mungkin kekayaan negara ke dalam poket-poket mereka. Sama ada kuasa itu diperolehi daripada pintu depan atau pintu belakang, semua itu tidak penting.

Mereka-lah orangnya yang mengekalkan sistem demokrasi warisan penjajah di negara ini, yang meletakkan perlembagaan buatan manusia lebih tinggi daripada Al-Quran dan As-Sunnah. Sungguh, tidak ada kebaikan pada mana-mana negara yang menjadikan perlembagaan mereka – lebih-lebih lagi perlembagaan ciptaan kafir penjajah – lebih tinggi daripada Al-Quran dan As-Sunnah!

Selagi sistem demokrasi terus mendominasi umat Islam, maka selagi itulah umat ini akan terus ditipu dan dipermainkan oleh para politikusnya. Dalam demokrasi, umat Islam menjadi tidak lebih umpama bidak-bidak catur yang akan dikorbankan dengan mudah oleh mereka yang berkuasa. Umat Islam harus sedar bahawa inilah dua punca utama malapetaka yang menimpa mereka iaitu sistem yang buruk dan pemimpin yang buruk. Sudah banyak kali – bukan hanya dua kali sebagaimana dilarang oleh Rasulullah (saw) – umat ini dipatuk dari lubang yang sama. Maka seharusnya umat menyatakannya cukup! Umat Islam wajib berusaha untuk keluar daripada malapetaka ini, dengan menggantikan sistem dan pemimpin yang buruk dengan sistem yang baik dan pemimpin yang baik – seorang Khalifah yang memimpin di bawah sistem Khilafah. Khilafah kali kedua yang bakal berdiri tidak lama lagi ialah satu-satunya negara yang dijanjikan oleh Allah dan Rasul-Nya, yang insya Allah akan dilimpahi kebaikan kerana ia akan berjalan di atas jalan kenabian, sebagaimana Khulafa’ ar-Rasyidin dahulunya yang berjalan di atas jalan yang sama.

Abdul Hakim Othman
Jurucakap Rasmi Hizbut Tahrir Malaysia